



MEMO

JABATAN TENAGA MANUSIA KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

RUJUKAN: JTM/HQ/900-3/24 (28)

TARIKH: 6 Februari 2014

PERKARA : PENYELARASAN TEMPOH TANGGUH BAGI PROGRAM LATIHAN DI BAWAH INSTITUSI LATIHAN JABATAN TENAGA MANUSIA	
DARIPADA : TKP	SALINAN : 1. KP
KEPADA : 1. SEMUA PENGARAH ILJTM 2. SEMUA PENGARAH BAHAGIAN 3. UNIT KURIKULUM ILJTM	

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan Bil 3/2013 bertarikh 11 – 12 September 2013 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa Jawatankuasa telah bersetuju untuk menyelaraskan tempoh tangguh bagi program latihan yang ditawarkan oleh Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia seperti maklumat di bawah :


Program	Status Pelajar	Tempoh Tangguh Semasa	Tempoh Tangguh Baru
Sijil Juruteknik Perindustrian	Lepasan SPM	1 semester	1 semester
Sijil Teknologi	Lepasan SPM	2 semester	2 semester
Sijil Teknologi	Lepasan Tahap 2	1 semester	1 semester
Diploma Teknologi	Lepasan SPM	2 semester	4 semester
Diploma Teknologi	Lepasan SKM 3 / 4	2 semester	2 semester
Diploma Lanjutan Teknologi	Lepasan DKM	2 semester	2 semester

3. Pelajar Program Sijil yang menangguhkan **pengajian tidak diberi elaun tetapi dibenarkan menginap di asrama dan makan/minum disediakan**. Manakala bagi program Diploma dan Diploma Lanjutan, pelajar akan **dikenakan yuran pengajian berdasarkan unit kredit yang diambil dan makan/minum disediakan**.

4. Pelaksanaan tempoh tangguh baru bagi program Sijil, Diploma dan Diploma Lanjutan adalah berkuatkuasa kepada pelajar kemasukan Sesi Julai 2014. Walaibagaimanapun, caj yuran pengajian yang dikenakan kepada pelajar Diploma dan Diploma Lanjutan ditangguhkan sehingga kelulusan untuk kutipan yuran diperolehi.

Sekian dimaklumkan dan terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'Pekerja Pemangkin Transformasi Negara'



(SYED MOHAMAD NOOR BIN SYED MAT ALI)
b.p Ketua Pengarah
Jabatan Tenaga Manusia.